



# Warga UMP perlu matang, terbuka

Para pelajar perlu menghayati dan memahami prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung di dalam visi, misi, falsafah serta nilai-nilai teras UMP.

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

**KUANTAN** - Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baru mendaftarkan diri disarankan untuk berfikir matang dan terbuka, selain mempunyai sahsiah terpuji, bersikap proaktif serta berbudaya cemerlang untuk menjadi generasi cemerlang dan gemilang.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata para pelajar perlu menghayati dan me-



Mahasiswa UMP melafazkan ikrar sebagai kemuncak Minggu Induksi Siswa pelajar baru di Astaka UMP, baru-baru ini.

mahami prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung di dalam visi, misi, falsafah serta

nilai-nilai teras UMP.

"Ia amat penting kerana model seorang pelajar UMP adalah berasaskan kepada perkara-perkara tersebut.

"Kecemerlangan seseorang pelajar amat bergantung kepada personalitinya, akhlaknya, tutur katanya, kekuatan rohaninya dan ketinggian ilmunya. Selain itu, para pelajar juga perlu berfikir secara rasional, matang dan terbuka kerana ia menggambarkan

kualiti seorang pelajar universiti," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar yang diadakan di Astaka UMP, baru-baru ini.

Beliau menyeru pelajar-pelajar agar menggunakan kesempatan dan memanfaatkan segala peluang yang disediakan sepanjang berada di UMP untuk membina karisma dan keyakinan diri.

Selain itu, beliau turut ber-

harap agar para pelajar benar-benar bersedia untuk dilatih dan dibentuk untuk menjadi insan yang teguh nilai dan jati dirinya dalam berperanan sebagai teknokrat berintegriti yang menyokong pembangunan negara.

"Pelajar perlu serius dalam memandang masa hadapan. Cabarannya memang banyak dan anda perlu kuat untuk menanganinya segala masalah dan

rintangan untuk menjadi manusia yang berilmu pengetahuan," ujarnya.

Katanya, lafaz ikrar yang diadakan bolehlah dianggap sebagai komitmen pelajar untuk menjalankan permuafakatan yang bermutu tinggi secara terhormat.

"Ia juga boleh dianggap sebagai suatu pengesahan bahawa anda telah menerima semua nilai-nilai teras universiti ini sebagai prinsip-prinsip utama yang perlu dihayati, diamalkan dan dipancarkan. Ia adalah ikatan rasmi antara anda semua dengan Universiti Malaysia Pahang," katanya.

Lafaz ikrar berkenaan diketuai oleh Muhammad Firdaus Ali Sibramulisi dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli diikuti 1513 pelajar baru UMP.

*"Kecemerlangan seseorang pelajar amat bergantung kepada personalitinya, akhlaknya, tutur katanya, kekuatan rohaninya dan ketinggian ilmunya. Selain itu, para pelajar juga perlu berfikir secara rasional, matang dan terbuka kerana ia menggambarkan kualiti seorang pelajar universiti."*

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim

**Sinar**

**Akhbar  
Komuniti  
Warga Pahang**